

SOALAN : 185

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU
KAWAN)**

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU KAWAN) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pengagihan RM13 juta yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2022 tahun lepas bagi Unit D11 di Bukit Aman serta apakah tahap perlindungan bagi kanak-kanak di alam maya (online) daripada sindiket pemangsa seksual kanak-kanak dan setakat manakah pelaburan Kerajaan dari segi kepakaran, sumber manusia serta teknologi yang digunakan oleh Queensland Police Services di Australia di atas 'tip-off' mereka sebelum ini dalam penangkapan Richard Huckle dan Alladin Lanim. Nyatakan peruntukan Kerajaan yang dilaburkan dalam sektor ini dan apakah langkah jangka masa pendek dan panjang dalam membendung jenayah seksual kanak-kanak di alam maya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan di dalam Memperkasakan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Polis Diraja Malaysia berjumlah RM13 juta.

Pewujudan 100 perjawatan

Pada 18 Mei 2022 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO) Bilangan 10 Tahun 2022 telah mempertimbangkan permohonan KDN dan bersetuju memperakukan 100 perjawatan seperti yang dimohon. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat rujukan MOF.NBO.600-9/13/55 JLD.7 (23) bertarikh 3 Jun 2022 telah bersetuju memperakukan pindaan waran perjawatan bagi Cadangan Pengukuhan Cawangan Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri berkuat kuasa mulai 1 Jun 2022.

Perolehan peralatan dan aset

Perolehan peralatan dan aset merangkumi perolehan kenderaan; peralatan dan kelengkapan pejabat; dan alat rakaman percakapan serta patung anatomi adalah dalam tindakan penyediaan spesifikasi dan perolehan oleh PDRM. Perolehan ini melibatkan 14 kontinjen di seluruh negara.

Kempen kesedaran

Bagi membendung jenayah seksual kanak-kanak di alam maya, PDRM telah merancang sebanyak 129 program kempen kesedaran sepanjang tahun 2022. Sebanyak 37 program kempen kesedaran kanak-kanak telah dijalankan mulai Mac 2022 sehingga 29 Jun 2022 di 12 buah negeri iaitu

SOALAN : 185

Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Baki 92 program akan dijalankan setiap bulan dan dijangka selesai pada bulan Oktober 2022.

Tuan Yang Di Pertua,

Antara langkah-langkah yang diambil bagi perlindungan kanak-kanak di alam maya atau secara *online*, unit MICAC (*Malaysian Internet Crimes Against Children*) diperluaskan di semua peringkat kontinjen bagi membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak di alam maya.

MICAC adalah unit yang mengendalikan kes-kes eksploitasi seksual online khususnya pornografi kanak-kanak secara atas talian. Kebanyakan maklumat ini disalurkan melalui ICACCOPS (*Internet Crime Against Children- Child Online Protective Services*), NCMEC (*Cybertipline Report*), Interpol – NCECC Report (*National Child Exploitation Coordination Centre*) dan beberapa agensi lain termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).

Di samping itu, kempen dan program kesedaran kepada ibu bapa, kanak-kanak dan masyarakat mengenai tanggungjawab masing-masing untuk menentukan keselamatan kanak-kanak di alam maya masih dilaksanakan di semua peringkat kontinjen oleh PDRM.

Kementerian sangat serius di dalam usaha membanteras dan menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak di media sosial. Kerjasama yang erat dari segi perkongsian maklumat dengan agensi di peringkat antarabangsa seperti Interpol, *Australian Federal Police*, *Britain's National Crime Agency* dan di dalam negara antaranya Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dan Bank Negara Malaysia (BNM)

SOALAN : 185

merupakan strategi berterusan PDRM berkaitan isu ini.